



Sedia, pantas, berintegriti

Latihan medan beri manfaat Pasukan Siswa APM, UKM

NOR FARHANA ABDUL MANAN

Latihan Medan Integrasi Pasukan Siswa Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Kem PLKN, Pelangi Hills Resort, Hulu Selangor, baru-baru ini ternyata memberi manfaat kepada mahasiswa yang terlibat.

Bertema "Sedia Pantas Berintegriti", program anjuran bersama Pasukan Siswa APM Kompeni Lima, UKM dan APM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar (IHEP), UKM, Profesor Datin Nor Aziah Mohd Awal, berkata program itu dapat memberi latihan medan kepada Kompeni Enam dan Tujuh Kadet Siswa APM, UKM.

Ia sekali gus memantapkan peserta terhadap tugas sukarelawan di lapangan sebenar.

Antara acara yang dilaksanakan ialah ice breaking, taklimat, pertolongan cemas dan penyelamatan di samping peserta diajar memasak makanan dalam keadaan darurat menggunakan buluh.



NOR AZIAH

Menurutnya, program itu ternyata memberi manfaat kepada peserta kerana ia merupakan latihan yang diperlukan bagi melayakkan diri mereka menerima tauliah nanti dan kemahiran insaniah membabitkan kerja berpasukan dan berkomunikasi antara satu sama lain.

"UKM berazam melahirkan ramai pegawai sukarelawan yang berkelayakan dan berwibawa ketika menjahad kehidupan sebenar di luar kampus nanti apabila tamat pengajian masing-masing di universiti ini.

"Ia dijangka berjaya menyemai dan memahat semangat kesukarelawan dalam kalangan kadet siswa APM dan selepas tamat belajar mereka terus menjadi tenaga sukarela yang sentiasa bersedia siaga dalam apa jua keadaan serta bersedia pula membantu apabila mereka diperlukan," katanya.

Nor Aziah berkata, latihan medan itu bertujuan melahirkan lebih ramai mahasiswa yang mempunyai pengetahuan menyesuaikan diri dalam apa jua situasi, meningkatkan kemahiran berkomunikasi antara satu sama lain dan bersedia memberi khidmat serta komitmen dalam organisasi.

Program ini katanya dikendalikan Pasukan Siswa APM UKM Kompeni Lima dengan bantuan jurulatih daripada APM Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Selain itu, program ini mampu memberi banyak manfaat dan kelebihan kepada setiap pegawai kadet siswa dengan pendedahan awal mengenai persediaan dan cara bagaimana mengukuhkan ikatan dalam sesebuah organisasi di samping lebih berdisiplin dan mampu menerapkan perasaan sehati dan sejiwa antara semua kompeni," katanya.




Cara memasak dalam buluh ketika keadaan darurat diajar kepada peserta.



Peserta diajar cara menyelamatkan mangsa di bangunan tinggi.



Peserta diajar cara memotong buluh sebelum memasaknya ketika keadaan darurat.



Nor Aziah memeriksa perbarisan peserta Latihan Medan Integrasi Pasukan Siswa Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), UKM di Kem PLKN, Pelangi Hills Resort, Hulu Selangor, baru-baru ini.